

CNS9666

U GB 31-05 00155 BA068

aab

Mahathir - MTUC

MTUC HARUS TERIMA SISTEM BERGILIR-GILIR KE PERSIDANGAN ILO, KATA PM

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) seharusnya menerima keputusan kerajaan memilih Cuepacs sebagai wakil kesatuan sekerja negara ke persidangan ke-81 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di Geneva bulan depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, MTUC haruslah menerima sistem bergilir-gilir antara MTUC dan Cuepacs ke persidangan itu.

"Jadi, apabila sampai giliran pihak lain, dia (MTUC) patut terimalah," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan Institut Jerman Malaysia di sini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas bantahan Presiden MTUC Encik Zainal Rampak terhadap keputusan kerajaan untuk menghantar Cuepacs, yang mewakili pekerja kerajaan, ke persidangan dua minggu itu bermula 7 Jun ini.

Zainal berkata, beliau akan mengemukakan bantahan dan tuntutan kepada Jawatankuasa Pengiktirafan ILO pada persidangan tahunan itu. -- lagi.

▼31/05/15-35MST

U GG 31-05 00139 BA069

aab

Mahathir - MTUC 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, MTUC tidak mewakili semua pekerja di negara ini.

"Sebab itu, dia (MTUC) harus terima hakikat bahawa mestilah ada pihak lain (Cuepacs) yang mewakili pihak kesatuan sekerja negara dalam (persidangan) ILO itu.

"Semasa dia (MTUC) pergi, orang lain merasa tak puas hati," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada tindakan MTUC untuk menyuarakan bantahannya pada persidangan ILO itu akan menjejaskan imej negara, Dr Mahathir berkata, tindakan MTUC itu hanya akan merugikan pekerja di negara ini.

"Kalau MTUC menggunakan kesatuan sekerja asing untuk menjejaskan (imej) negara kita, maka dia sebenarnya bekerja untuk menyusahkan pekerja kita," kata beliau.

Perdana Menteri berkata: "Apakah makna MTUC kalau mereka bekerja untuk pekerja negara luar dan menganiaya pekerja di negara ini." -- lagi.

▼31/05/15-40MST

R GB 31-05 00093 BA075

aab

Mahathir - MTUC 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Ketika ditanya seorang wartawan Jerman mengenai usaha kerajaan baru-baru ini untuk menarik lebih banyak pelaburan dari negara-negara Eropah walaupun Malaysia masih mengamalkan dasar "Pandang ke Timur", Dr Mahathir berkata, dasar itu tidak bermakna kerajaan hanya menarik pelaburan dari negara-negara Timur.

"Penekanan pada Dasar Pandang ke Timur ialah kerana dahulu kita banyak menumpukan perhatian kepada pelaburan negara Barat," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, Malaysia kini "melihat ke timur dan barat". --

Bernama

ES NMO